

Perkhidmatan Perpustakaan Kepada Orang Cacat

oleh
B. Krishnan*

Abstract *Although the characteristics and problems affecting the disabled are universal, not all countries have responded to the plight of their disabled in the same way. Factors such as economic resources, cultural and religious backgrounds, involvement in war, awareness and attitude have all influenced the provision of facilities for the disabled. Before considering the facilities for disabled people, the environment in which they will participate should be made conducive so as not to restrict their full integration into the community. New technological aids and architectural design possibilities have the potential of contributing towards shaping the physical environment to accommodate the needs of disabled people. Libraries exist essentially to fulfill the educational, informational and recreational needs of a community. Librarians can make the necessary adjustments that will make facilities, materials and programmes available to the disabled. As an information centre, the library can play a vital role in disseminating information about the disabled which indirectly will enhance the development of public awareness to, and understanding of, the problems of the disabled.*

Sebutan perkataan 'cacat' membawa pelbagai erti, tetapi apabila digunakan sebagai katasifat kepada manusia, ia dengan sendirinya bererti bahawa manusia yang sedemikian tidak cukup sifat dari segi jasmani atau rohani. Dari kedua-dua jenis kecacatan ini, yang lebih ketara ialah orang yang cacat jasmaninya. Mereka ini cacat akibat beberapa sebab. Setengah lahir cacat, yang lain cacat akibat sakit. Ramai cacat kerana ditimpa kemalangan. Kecacatan boleh bersifat kehilangan panca indera seperti penglihatan, pendengaran, pengucapan atau kehilangan keupayaan bergerak bebas.

Di beberapa negara terdapat sebilangan besar orang cacat akibat peperangan dan kemalangan di samping mereka yang lahir dengan kecacatan. Negara-negara seperti Jerman Barat, Amerika Syarikat dan United Kingdom yang telah lama menceburi dalam peperangan pada suatu ketika dahulu, kini mempunyai beberapa kemudahan bagi menampung keperluan khas orang cacat di negara mereka. Namun demikian, negara Sweden yang tidak pernah

terlibat dalam peperangan secara langsung, juga mempunyai beberapa kemudahan bagi orang cacat.

Walaupun ciri-ciri yang terdapat pada orang cacat di seluruh dunia adalah sama, bukan semua negara mempunyai pandangan yang sama terhadap masalah tersebut. Ini mungkin kerana terdapat faktor-faktor seperti sumber kekayaan dan latarbelakang kebudayaan yang berbeza, penglibatan dalam peperangan serta perbezaan dalam sikap dan kesedaran terhadap orang cacat.

Dalam proses mengintegrasikan orang cacat ke dalam masyarakat, kita harus terlebih dahulu mengadakan suasana yang sesuai di mana mereka dapat berinteraksi. Tetapi apa yang terdapat di negara kita sekarang ialah — setelah mereka yang cacat menjalani rawatan pemulihan di pusat-pusat pemulihan atau hospital, mereka dapati sukar untuk mengubahsuaikan diri apabila keluar nanti, oleh kerana tidak terdapat kemudahan-kemudahan yang sesuai bagi mereka di tempat-tempat awam. Mereka

*Pegawai Perpustakaan, Bahagian Katalog.

merasa hampa apabila bertemu dengan halangan-halangan seperti tangga, pintu yang sempit yang semuanya mencegah kebebasan bergerak dari satu tempat ke satu tempat. Langkah-langkah patut diambil supaya kemudahan-kemudahan dapat digunakan oleh orang cacat.

Di antara lain, perpustakaan merupakan salah sebuah kemudahan yang penting kepada orang cacat terutama sekali mereka yang cacat anggota. Membaca merupakan suatu aktiviti masa lapang yang sangat berfaedah, lebih-lebih lagi bagi orang cacat. Bagi mereka yang cacat anggota, bererti kegiatan sukan mereka adalah terhad. Jadi besarlah kemungkinan golongan ini mempunyai banyak masa lapang jika mereka tidak bekerja; dan salah satu cara mengisi masa lapang ialah dengan membaca. Dari segi psikologi, banyak pula faedahnya kepada orang cacat. Mengikut Brown¹, 'bibliotherapy' bertujuan membantu seseorang cacat itu mencari sesuatu hobi sebagai aktiviti masa lapang dan menolongnya berdikari; dan akhirnya ia dapat diterima oleh masyarakat.

Perpustakaan mempunyai pengaruh yang kuat ke atas masyarakat terutamanya dalam membentuk sikap sesebuah komuniti. Selain dari menjadi pusat maklumat, perpustakaan juga boleh menyedarkan masyarakat terhadap masalah serta keperluan-keperluan orang cacat — dengan memperolehi bahan-bahan bacaan mengenai orang cacat — yang secara tidak langsung dapat mendidik masyarakat mendekati dan memahami orang cacat.

Bagi mereka yang cacat penglihatan, harus diadakan bahan-bahan bacaan dalam bentuk Braille ataupun pita keset. Salah satu ciptaan baru iaitu alat pembaca Kurzweil telah membawa harapan baru ke-

pada pembaca buta kerana dengan ini mereka dapat memilih apa sahaja buku dalam bentuk tulisan, yang kemudiannya dapat "dibaca" oleh alat ini dengan menggunakan suara letronik.

Orang cacat yang menggunakan kerusi roda mungkin menghadapi beberapa kesulitan apabila hendak menggunakan perpustakaan. Antara masalah-masalah yang dihadapi ialah:

- (a) 'halangan' di pintu masuk jika terdapat tangga.
- (b) jika bangunan itu bertingkat, mereka tidak dapat pergi ke tingkat-tingkat lain jika tidak ada lif.
- (c) mengambil buku dari rak-rak yang terlalu tinggi.
- (d) ruang di antara rak-rak buku yang terlalu sempit.

Tujuan utama sesebuah perpustakaan adalah untuk menampung keperluan maklumat pembaca. Dalam usaha ini pustakawan harus sedar bahawa mereka yang cacat anggota juga mempunyai hak menikmati perkhidmatan serta kemudahan lain yang diberi oleh perpustakaan. Pihak berkenaan harus memberi perhatian dan seterusnya mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengatasi kesulitan yang kini dihadapi oleh pembaca kategori ini.

Dalam usaha merancang kemudahan-kemudahan bagi pembaca yang cacat anggota, kita harus memberi perhatian kepada hasrat dan aspirasi mereka untuk berdikari. Mereka mesti diberi peluang yang sama seperti pembaca lain untuk menggunakan semua bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan dengan sendirinya, tanpa sebarang halangan.

Rencana ini adalah sebagai pendahuluan. Aspek-aspek tertentu tajuk ini akan dibincangkan dalam keluaran-keluaran akan datang.

¹Brown, Eleanor Frances. *Bibliotherapy and its widening applications*. Metuchen, Scarecrow, 19—5, m.s. 250.